

BAB 4

MENGATASI DESAKAN BRITISH DAN PENYERAHAN KUASA, 1963-1967

4.1 Pengenalan

Pemberontakan 1962, tidak menjaskan untuk kerajaan Brunei menyertai rundingan mengenai kemasukannya ke dalam Persekutuan Malaysia seperti yang telah diputuskan oleh MMN pada 18 Julai 1962. Pada awalnya kerajaan Brunei setuju untuk menyertai persekutuan yang dicadangkan tetapi disaat-saat akhir Brunei menolak untuk menyertainya. Penarikan Brunei dari menyertai persekutuan ini hubungan kedua negara mulai tegang. Kerajaan Malaysia telah memanggil pulang pegawai-pegawai dari Malaysia yang memegang jawatan-jawatan penting di Brunei sementara Brunei pula telah menghidupkan semula tuntutan ke atas wilayah Limbang. Tindakkan Malaysia ini menyebabkan kerajaan Brunei memulakan pergantungan semula dengan British.

Perubahan dasar luar British apabila kerajaan Parti Buruh mula memerintah pada 1965 Brunei mula menghadapi tekanan apabila British mahu melepaskan tanggungjawabnya ke atas Brunei dan memaksa Brunei membuat reformasi ke atas perlembagaan untuk membolehkan satu pilihan raya diadakan supaya sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dibentuk. Akibat desakan ini Sultan Brunei

setuju untuk mengadakan pilihan raya dan mengadakan sistem berkementerian tetapi menolak usaha mengwujudkan sistem demokrasi. Beberapa perundingan diadakan di antara sultan Brunei dengan British untuk membujuk British mengubah dasarnya tetapi British terus menolak. Pada masa yang sama, baginda juga mendapat tekanan dalam negeri dari parti-parti politik yang baru muncul untuk melaksanakan Kertas Putih 4/65. Kegagalan mendapatkan persetujuan British menangguhan pendemokrasian menyebabkan Sultan Omar Ali Saifuddien III menyerahkan kuasa memerintah kepada putera sulungnya untuk memaksa British terus melindungi Brunei dan pemerintahan monarki.

4.2 Persekutuan Malaysia dan Penarikan Brunei

Keyakinan dengan kejujuran Persekutuan Tanah Melayu yang memberi bantuan polis dan kegigihan mereka menghadapi pemberontakan telah menambahkan minat Brunei dengan gagasan Malaysia. Sultan Omar Ali Saifuddien III percaya penyertaan Brunei dalam persekutuan ini dapat melindungi keselamatan dan keamanan Brunei memandangkan sokongan Indonesia ke atas perjuangan PRB selepas pemberontakan dan keadaan politik yang tidak stabil akibat perkembangan pengaruh komunis. Penyertaan ini merupakan satu jalan mencari perlindungan menghadapi ancaman tersebut. Menurut baginda;¹

Di dalam suasana politik yang ada di Asia Tenggara pada masa ini, mestilah difahamkan bahawa adalah memberi kesulitan bagi sesabuah negeri, terutama negeri Brunei yang kecil untuk mempertahankan diri dari pengaruh dan ancaman komunis.

¹ Titah 1959-1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hal. 130-131.

Setelah mendapat mandat dari Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang pada 31 Januari 1963, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah berangkat ke Persekutuan Tanah Melayu untuk mengadakan rundingan mengenai kemasukan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia.² Baginda juga telah mengumumkan yang kerajaan baginda akan ikut serta menyertai persekutuan tersebut berdasarkan kepada syarat-syarat yang diperlukan oleh Brunei.³ Kerajaan Brunei menganggap kemasukan Brunei ke dalam persekutuan Malaysia dapat menjamin keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara dan rakyatnya serta menjamin akan terus mengekalkan kedudukannya dan keistimewaan yang sedia ada.⁴

Untuk mendapatkan kepastian mengenai kedudukan Brunei dalam Persekutuan Malaysia, kedua-dua kerajaan telah mengadakan dua kali sidang pleno. Pertama dalam bulan Januari hingga Mac 1963 dan kedua pada Jun 1963. Sebelum ini kerajaan Brunei telah menghantar satu delegasi pada 3 Januari 1963 yang diketuai oleh Timbalan Menteri Besar, Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Mohd Daud, Penasihat Undang-Undang Kerajaan Brunei, Dato Neil Lawson, Q.C, dan Pengarah Penerangan Brunei, Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abd Rahim dengan wakil Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Tan Siew Sin untuk membincangkan kedudukan Brunei selepas menyertai Persekutuan Malaysia.⁵

² Pelita Brunei, 6 Mac 1963.

³ Borneo Bulletin, 26 Januari 1963.

⁴ Ibid., 9 Februari 1963, Utusan Melayu, 8 Februari 1963.

⁵ D.S. Ranjit Singh, "Brunei and The Malaysia Negotiations", Jurnal Hubungan Antarabangsa, Jilid 3, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975/76, hal. 21.

Pada peringkat awal rundingan, baginda telah bersetuju pada dasarnya untuk menyertai persekutuan ini jika sekiranya memberi faedah kepada Brunei dan rakyatnya.⁶ Rundingan bagi sidang pertama dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama, rundingan tidak rasmi di antara sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddien III dengan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman pada 5 hingga 7 Februari 1963. Rundingan ini merupakan rundingan tertutup antara kedua Ketua Kerajaan Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu untuk menyusun agenda rasmi yang akan dibincangkan pada 8 Februari 1963, supaya rundingan tersebut akan berjalan dengan lancar.

Peringkat kedua, rundingan secara rasmi yang dimulakan pada 8 Februari 1963 antara perwakilan kedua-dua negara. Kerajaan Brunei telah menghantar satu rombongan yang terdiri dari pegawai-pegawai kanan kerajaan ke Kuala Lumpur yang diketuai oleh Menteri Besar Brunei, Dato Marsal Bin Maun, Dato Setia Pengiran Mohd Ali Bin Pengiran Haji Mohd Daud, Dato Setia Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Haji Mohd Jamil bin Haji Umar dan beberapa orang pegawai. Perwakilan Kerajaan Malaysia pula telah diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak bin Husain dan Menteri Kewangan Tan Siew Sin.⁷ Isu penting yang menjadi agenda utama ialah syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kerajaan Brunei sebelum perjanjian ditanda tangani. Kerajaan Brunei hanya akan memasuki Malaysia sekiranya syarat-syarat yang dikemukakan dapat diterima.⁸ Empat syarat telah dikemukakan; Pertama mengenai kewangan, cukai dan

⁶ Titah 1959-1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 169-170.

⁷ Ranjit Singh, "Brunei and The Malaysia Negotiations", hal. 26.

⁸ Titah 1959-1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 173.

pendapatan. Kedua, status dan kedudukan sultan Brunei selepas percantuman. Ketiga, keistimewaan rakyat Brunei dan keempat, kedudukan kerusi perwakilan untuk Brunei dalam Parlimen Persekutuan.⁹

Dalam pusingan awal perundingan, persetujuan telah dicapai untuk memberikan kedudukan istimewa kepada sultan dan rakyat Brunei dalam percantuman tersebut. Hal ini menggambarkan minat kemasukan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia semakin cerah. Persetujuan yang dicapai hampir memenuhi syarat yang diperlukan. Kerajaan Brunei telah diberi jaminan akan terus mengawalkekayaan dan kemewahan yang dinikmati oleh Brunei. Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pengarah Penerangan Brunei salah seorang ahli rombongan telah menjelaskan, kemasukan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia tidak bermakna Persekutuan Tanah Melayu akan mengeksplorasi sumber-sumber kekayaan Brunei demi kepentingan Persekutuan Tanah Melayu.¹⁰

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu juga bersetuju memberikan Brunei kedudukan yang lebih selesa dengan menjanjikan '*special position*', iaitu Brunei akan terus '*retain its oil reserves and its substantial accumulation at investments*'¹¹, kedudukan dan status sultan Brunei akan tetap terjamin "*by provisions to be written in the Constitution of the new federation*".¹² Kedudukan rakyat Brunei akan terus kekal menikmati kemewahan dan kemudahan yang sedang dinikmati "*The people enjoyed certain social benefits and free secondary education which were absent in*

⁹ Ranjit Singh, "Brunei and The Malaysia Negotiations", hal. 22.

¹⁰ Ibid.,

¹¹ North Borneo and Sabah Times, 8 Februari 1963, Borneo Bulletin, 9 Februari 1963. Lihat juga Ranjit Singh, "Brunei and The Malaysia Negotiations", hal. 22.

other state".¹³ Rundingan ini menampakkan kemajuan besar untuk Brunei menyertai Persekutuan Malaysia. Sultan Brunei telah setuju dengan syarat-syarat tersebut, Pemangku Menteri Besar, Dato Setia Pengiran Haji Ali dalam satu kenyataan mengatakan "*syarat untuk Brunei bergabung dengan Persekutuan Malaysia telah dipersetujui antara wakil kedua-dua kerajaan*"¹⁴ tetapi belum ada tanda-tanda untuk mengeluarkan keputusan rasmi menyertai Malaysia walaupun perundingan tersebut menampakkan harapan yang cerah;¹⁵

Dalam Malaysia janganlah penduduk-penduduk bimbang tentang mengenakan cukai pendapatan atau menaikkan cukai yang ada sekarang dalam negeri ini. Janganlah kamu bimbang akan keistimewaan khas seperti gaji tua, wang kelebihan bagi orang-orang menghidap penyakit batuk kering dan gaji buta kerana keistimewaan ini akan tetap kekal. Dengan menyertai Malaysia tidak bererti kita akan menjual negeri kepada Malaya atau akan dijahanya.

Walaupun kerajaan Brunei melihat keputusan perundingan awal lebih banyak memihak kepada Brunei tetapi masih terdapat beberapa isu yang perlu dikaji semula terutama mengenai tempoh pengawalan kewangan. Kerajaan Brunei mula memikirkan kedudukannya selepas 10 tahun dalam Persekutuan Malaysia. Berdasarkan kepada jangka pendek Persekutuan Malaysia banyak memberi faedah kepada Brunei dan rakyatnya terutama mengenai keselamatan, tetapi dalam jangka panjang tidak ada jaminan tentang kedudukan ekonomi dan politik Brunei. Kerana itu

¹² Ibid.

¹³ Ranjit Singh, "Brunei and The Malaysia Negotiations", hal. 23.

¹⁴ Muhammad Hadi Abdullah, "Sultan Omar Ali Saifuddien III: Peranan dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Politik Brunei, 1945-1967", Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995, hal. 281.

¹⁵ Pelita Brunei, 15 Mei 1963.

isu mengenai penyertaan Brunei di bawa balik ke meja rundingan pada bulan Jun 1963. Sebelum ini, Neil Lawson telah membuat kenyataan bahawa “*Brunei wants to keep its oil revenues in perpetuity while Malaya is pressing to have direct control over the revenues after ten years had elapsed*”.¹⁶ Keadaan ini telah membawa kepada perlunya perundingan semula di antara kedua buah kerajaan. Kerajaan Brunei perlu memikirkan semula keputusan tersebut berdasarkan kepada penilaian dalam jangka panjang iaitu apakah keistimewaan tersebut akan terus kekal dinikmati oleh negeri dan rakyat Brunei.

Pada 10 Jun 1963, rundingan disambung semula bagi membincangkan beberapa isu yang ada percanggahan kepentingan antara kedua kerajaan iaitu soal siapakah yang akan mengawal hasil pendapatan dari pengeluaran minyak dan pendapatan dari sumber-sumber baru selepas 10 tahun menyertai Malaysia. Kerajaan Brunei telah menghantar wakilnya seramai 10 orang yang diketuai oleh Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Maun. Antara yang menyertai rombongan ini termasuklah pemangku Setiausaha Kerajaan, Pengiran Haji Mohd Yusof dan Penasihat Undang-Undang Brunei, Dato Neil Lawson. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Menteri Kewangan, Tan Siew Sin, Menteri Dalam Negari, Dato Dr. Ismail Dato Abd Rahman, Dato Abdul Aziz Haji Abd Majid dan pegawai-pegawai dari Bahagian Hal Ehwal Malaysia di Jabatan Perdana Menteri. Rundingan ini berakhir pada 13 Jun 1963.¹⁷ Perundingan tertumpu kepada isu di atas. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mahukan supaya perjanjian tentang pengawalan tersebut

¹⁶ Ranjit Singh, “Brunei and The Malaysia Negotiations”, hal. 26.

¹⁷ Ibid., hal. 25.

dibincangkan semula selepas 10 tahun Brunei berada dalam Malaysia. Keputusan ini telah mempengaruhi pendirian Brunei untuk menyertai Persekutuan Malaysia.

Kerajaan Brunei tidak bersetuju terhadap cadangan Persekutuan Tanah Melayu untuk mengambil alih penghasilan minyak Brunei selepas 10 tahun bergabung dengan Malaysia¹⁸ kerana jika ini berlaku Brunei tidak akan menikmati hasil pengeluaran minyaknya walhal hasil minyak merupakan satu-satunya sumber pendapatan bagi Brunei. Kemungkinan besar pada waktu itu rakyat tidak lagi akan dapat menikmati segala kemudahan dan keistimewaan yang dinikmati selama ini. Selepas tahun tersebut setentunya kerajaan Pusat tidak akan melayani sebarang tuntutan kerajaan Brunei kerana kedudukan Brunei adalah sama dengan negara-negara lain yang bergabung. Perkara ini telah dibayangkan oleh Tunku Abdul Rahman dalam ucapan nya semasa berada di Kuching yang menjelaskan bahawa dalam Malaysia kedudukan ketiga-tiga buah negara adalah sama.¹⁹

Separkara lagi yang kerajaan Brunei tidak setuju ialah ketetapan yang diberikan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya kerajaan Brunei memberi sumbangan sebanyak \$40 juta setahun.²⁰ Kerajaan Brunei melihat ia merupakan sebagai satu paksaan yang mesti ditunaikan. Sebaliknya kerajaan Brunei mahu sumbangan \$40 juta sebagai sumbangan sukarela. Jika ketetapan ini diterima seolah-olah Brunei di bawah takluk kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.²¹ Kerajaan Brunei juga tidak bersetuju dengan cadangan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu

¹⁸ Utusan Melayu, 20 Jun 1963.

¹⁹ Muhammad Hadi Abdullah, "Sultan Omar Ali Saifuddien IIP", hal. 283.

²⁰ Utusan Melayu, 25 Jun 1963.

untuk mengawal pendapatan Brunei apabila penemuan sumber-sumber baru diperolehi. Dengan kata-kata lain kerajaan Brunei tidak rela menyerahkan kekayaannya kepada negara lain.

Penolakan Kerajaan Brunei terhadap cadangan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dikatakan mempunyai hubungan dengan “*offshore exploration*” dan “*onshore and offshore agreement*”. Semasa perundingan berjalan di Kuala Lumpur, sultan Brunei menerima telegram dari *Brunei Shell Petroleum Company* memaklumkan penemuan sumber baru minyak dalam penerokanya di *Southwest Ampa* pada 1963.²² Kerajaan Brunei juga telah berjaya dalam rundingannya dengan “*Brunei Shell Petroleum Company*” untuk meningkatkan peratus pendapatan dari hasil petroleum.²³ Mengikut B.A. Hamzah;²⁴

**The Sultan was informed of the southwest Ampa by telegram.
The good news raised new hopes for additional money and
strengthened the Sultan's bargaining position in Kuala
Lumpur...**

Kejayaan ini bukan saja telah mengubah pendirian kerajaan Brunei tetapi juga pendirian kerajaan British untuk menganalisa semula perjanjian dan kedudukan Brunei dalam Malaysia.²⁵

²¹ Mohd Jamil Umar, Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, 1972, hal. 169.

²² B.A. Hamzah, “The Political Economy of Oil in Brunei”, Ph.D Thesis, Tufts University, Medford, Massachusetts, 1980, hal. 131.

²³ Malayan Times, 8 Mei 1963.

²⁴ B.A. Hamzah, “Oil and Independence in Brunei: A Perspective”, Southeast Asian Affairs, 1981, hal. 94.

²⁵ Ibid., hal. 130.

Tindakan British terhadap isu tersebut berikutan dengan keputusan kerajaan British pada 1960, untuk meninggalkan kawasan tersebut apabila British dapat tahu tentang kemerosotan pengeluaran minyak di Brunei. Mereka percaya bahawa Brunei tidak akan dapat berdiri sendiri tanpa bantuan negara jirannya kerana British tidak mahu menanggung beban yang akan dihadapi oleh Brunei.

Menerusi perundingan dengan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia, kerajaan British telah mencadangkan supaya diwujudkan sebuah persekutuan yang lebih besar iaitu Malaysia kerana British juga mempunyai kepentingan dalam Malaysia.²⁶ Antara 1960-1963, kerajaan British telah memaksa supaya sultan Brunei untuk memasuki Malaysia dengan alasan Brunei tidak akan dapat bertahan tanpa Malaysia.²⁷ Hal ini telah dinyatakan oleh sultan Brunei dalam Majlis Mesyuarat Negeri pada 5 Disember 1961, “*Disini Beta suacita menyatakan bahawa baru-baru ini setiausaha bagi Tanah-Tanah Jajahan British telah meminta pendapat Beta berkenaan dengan cadangan itu*”.²⁸ Sumber yang baru didapati di *Southeast Ampa* mempunyai potensi yang besar dalam pengeluaran minyak dengan kaedah dan teknologi baru yang lebih ekonomi. Dengan adanya tujuh stesen yang boleh mengeluarkan minyak maka mempengaruhi kerajaan British untuk mengkaji semula kedudukannya di Brunei. Kerana itu, Brunei Shell sengaja menghantar telegram tersebut supaya sultan dapat mengubah pendiriannya mengenai kedudukan Brunei dalam Malaysia.

²⁶ B.A. Hamzah, “The Political Economy of Oil in Brunei”, hal.130.

²⁷ Ibid.

²⁸ Titah 1959-1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal.106.

Kegagalan rundingan ini juga ada kaitannya dengan isu politik. Sultan Brunei didakwa tidak berpuas hati kerana disenaraikan sebagai “*the most junior of all the Rulers*”²⁹ untuk menjawat jawatan Yang di-Pertuan Agong. Walaupun Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pernah menjanjikan status yang lebih kanan untuk memujuk sultan Brunei supaya memasuki Malaysia namun janji ini bukannya secara serious.³⁰ Apa lagi lantikan bagi jawatan Yang di-Pertuan Agong bukan termasuk di bawah kuasanya; sebaliknya adalah bergantung kepada persetujuan Majlis Raja-Raja. Seperti yang ditegaskan oleh Pengiran Haji Mohd Yusof, “*even if Malaya have offered the Sultan the position of Yang di-Pertuan Agong Malaysia, the Ruler would have been reluctant to accept.*”³¹

Bagi Sultan Brunei, jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong merupakan satu perkara kecil yang diperbesar-besarkan oleh pemimpin-pemimpin Malaya.³² Apa yang penting bagi baginda ialah kedudukannya dalam Persekutuan Malaysia akan terjamin. Dalam Perlembagaan Brunei 1959, baginda bukan saja sebagai seorang sultan bahkan juga seorang ketua kerajaan. Baginda bertanggungjawab menentukan arah dan polisi kerajaan berbanding dengan kedudukan Raja-Raja di negeri-negeri Tanah Melayu. Jika Brunei menyertai Persekutuan Malaysia besar kemungkinan kuasa yang ada pada baginda akan hanya menjadi lambang. Kerana itu baginda berusaha untuk mendapatkan ‘*special position*’ dalam Perlembagaan Malaysia supaya kedudukan baginda dan rakyat Brunei akan terus terjamin.³³

²⁹ Malayan Times, 16 Jun 1973.

³⁰ Mohammad Abu Bakar, “Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia”, Malaysia Dari Segi Sejarah, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1981 hal. 139.

³¹ Malay Mail, 16 Julai 1963.

³² Ibid.

³³ Ranjit Singh, “Brunei and The Malaysia Negotiations”, hal. 23.

Oleh kerana perundingan tersebut menemui jalan buntu, pada 15 Jun 1963 sultan Brunei telah berangkat ke Kuala Lumpur bagi mengadakan perundingan muktamad.³⁴ Perundingan ini juga tidak membawa sebarang perkembangan. Memandangkan kepada sikap tegas Sultan Brunei maka pihak British telah campur tangan dengan menghantar Lord Selkirk untuk memaksa Brunei menyertai Malaysia. Kerajaan British mendakwa mereka mempunyai kuasa untuk memasukkan Brunei ke dalam persekutuan tersebut.³⁵ Tekanan ini juga tidak dapat mengubah pendirian Brunei. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak dapat menerima syarat-syarat penyertaan Brunei. Mereka terus berpegang kepada pendirian awal mengenai syarat-syarat penyertaan Brunei dalam Persekutuan Malaysia. Kerajaan Brunei diberikan tempoh selama 48 jam untuk membuat keputusan sama ada mahu menyertai atau tidak. Ia merupakan keputusan yang muktamat.³⁶ Dato Neil Lawson, telah telah membuat kesimpulan Brunei tidak perlu masuk Malaysia.³⁷

4.2.1 Perundingan Di London dan Kegagalan Brunei Menyertai Malaysia

Untuk menyelesaikan masalah yang tidak dapat diselesaikan semasa rundingan di Kuala Lumpur, Pada 2 Julai 1963 kerajaan Brunei yang diketuai oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III telah berangkat ke London untuk mengadakan rundingan yang belum selesai mengenai syarat-syarat kemasukan dan masa depan Brunei dalam Persekutuan Malaysia.³⁸ Semasa upacara penandatanganan perjanjian dibuat di

³⁴ Pelita Brunei, 19 Jun 1963.

³⁵ Mohd. Jamil Umar, Liku-Liku Perjuangan, hal. 167.

³⁶ Malayan Times, 20 Jun 1963. Lihat juga Utusan Melayu, 20 Jun 1963.

³⁷ Muhammad Hadi Abdullah, "Sultan Omar Ali Saifuddien III", hal. 293.

³⁸ North Borneo and Sabah Times, 3 dan 4 Julai 1963. Lihat juga Mohd. Jamil Umar, Liku-Liku Perjuangan, hal. 175.

London pada 9 Julai 1963,³⁹ sultan Brunei secara rasmi menarik diri dari menyertai Malaysia.⁴⁰

... Setelah mengkaji dengan sehabis-habis teliti akan semua hal mengenai soal ini, maka Beta dan Kerajaan Beta telah membuat keputusan bahawa kepentingan bagi kebajikan, kebaikan Brunei dan rakyatnya tidak akan dapat dicapai dengan kita memasuki Persekutuan Malaysia yang dicadangkan itu pada waktu ini...

Berbagai tafsiran dan pandangan telah dibuat mengenai kegagalan Brunei menyertai Persekutuan Malaysia. Menurut Arnold Brackman, kesan pemberontakan 1962, telah mempengaruhi keputusan tersebut.⁴¹ Tetapi kedua kerajaan telah memberi tafsiran yang berbeza dan ianya berkisar mengenai dengan syarat-syarat yang tidak dipenuhi. Tunku Abdul Rahman menyatakan isu “*order of precedence*” merupakan sebagai faktor utama kegagalan tersebut.⁴² Sultan Brunei menafikan dakwaan tersebut, kegagalan ini disebabkan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak dapat memenuhi syarat-syarat “*special position*” yang dikehendaki oleh kerajaan Brunei.⁴³

Tunku Abdul Rahman tidak mahu menerima desakan Sultan Brunei “*to jump the queue*” menjadi Yang di-Pertuan Agong.⁴⁴ Tunku Abdul Rahman mengatakan ia bukanlah bidang kuasanya tetapi diputuskan oleh Majlis Raja-Raja Melayu.⁴⁵ Kenyataan Tunku Abdul Rahman ini telah mendapat sokongan berbagai pihak.

³⁹ R. Mackie, The Emergence of Malaysia, New York: Harcourt, Brace and World Inc., 1963, hal. 301.

⁴⁰ Titah 1959-1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hal. 211-213.

⁴¹ A. C. Brackman, Southeast Asia's Second Front: The Power Struggle in the Malay Archipelago, Singapore: Donald Moore Press Ltd., 1966, hal. 144.

⁴² North Borneo and Sabah Times, 13 Disember 1963.

⁴³ Borneo Bulletin, 20 Julai 1963.

⁴⁴ Borneo Bulletin, 13 Julai 1963. Lihat juga The Star, 19 Oktober 1981.

Donald Stephen menambah yang Sultan Brunei tidak berpuas hati mengenai susunan tersebut.⁴⁶ Pada 18 September 1983, akhbar Mingguan Malaysia telah melapurkan sultan Brunei berkehendakkan supaya baginda dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agung yang pertama. Menurut Ronald Mckie, keinginan Sultan Brunei menyertai Persekutuan Malaysia disebabkan oleh “*the Sultan is believed to be ambitious for the Crown*”.⁴⁷ Menurut Mckie lagi Sultan Brunei telah membina sebuah istana di Kuala Lumpur untuk dijadikan sebagai kediaman persendirian apabila baginda dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong dan kerana itulah baginda telah berusaha untuk membantu Tunku Abdul Rahman merealisasikan Malaysia.⁴⁸

Sultan Brunei telah menolak dakwaan “*order of precedence*” sebagai faktor utama menyebabkan Brunei menarik diri dari bergabung dengan Malaysia. Baginda menyalahkan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang tidak dapat menerima dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Baginda melihat Persekutuan Malaysia tidak menjanjikan sebarang kepentingan untuk negara dan rakyat Brunei.⁴⁹ Walaupun sebelum ini baginda telah bertitah tentang keinginan baginda untuk ikut serta dalam Persekutuan Malaysia yang dirancang;⁵⁰

⁴⁵ Malayan Times, 12 Julai 1963.

⁴⁶ North Borneo and Sabah Times, 12 Julai 1963.

⁴⁷ Mckie, The Emergence of Malaysia, hal. 245.

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Borneo Bulletin, 27 Julai 1963. Lihat juga North Borneo and Sabah Times, 5 Disember 1963.

.. bahawa Brunei bersetuju pada dasarnya untuk menyertai Malaysia sekiranya syarat-syarat bagi kemasukan dalam Persekutuan itu bersesuaian dengan kehendak kita dan boleh mendatangkan faedah kepada kita...

...untuk menyambung perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan untuk memeriksa masalah-masalah yang berkaitan dan merangka satu persatu susunan, sokongan mereka yang mengenai dengan syarat-syarat yang mustahak bagi mendatangkan faedah kepada Brunei dan rakyatnya.

Menurut Sultan Brunei, kenyataan mengenai dengan "*order of precedence*" tidak benar dan bertentangan dengan keadaan sebenar. Baginda lebih mementingkan kehidupan rakyatnya daripada peribadinya.⁵¹ Menurut baginda, "*no Sultan in Brunei's history had ever been a ruler outside the state*".⁵² Kenyataan ini diperkuatkan lagi oleh Pengiran Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abd Rahim yang mengatakan sultan Brunei tidak berminat untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong walaupun sampai kepada gilirannya dan baginda sanggup untuk menarik diri apabila sampai kepada gilirannya.⁵³

Sebenarnya "*order of precedence*" bukanlah menjadi faktor utama menyebabkan Brunei tidak menyertai Malaysia tetapi "*special position*" dalam aspek ekonomi dan juga politik. Oleh kerana kerajaan Persekutuan Tanah Melyu tidak dapat memenuhi kehendak tersebut ia dianggap tidak memberikan sebarang faedah sebaliknya penyertaan Brunei dalam Malaysia adalah merugikan. Kerajaan Brunei tidak dapat memenuhi permintaan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk memberi sumbangan kewangan tahunan dan menyerahkan pengawalan semua hasil minyak.⁵⁴

⁵⁰ [Titah 1959-1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia](#), hal. 173 dan 174.

⁵¹ [North Borneo and Sabah Times](#), 27 Julai 1963.

⁵² [New Straits Times](#), 7 November 1981.

⁵³ [Ibid.](#)

⁵⁴ [Malay Mail](#), 4 Mac 1963.

Pendapatan dari hasil petroleum merupakan sebagai satu-satunya hasil Brunei dan jika Brunei setuju menyerahkannya bermakana “*Brunei tidak lagi memiliki apa-apa pun*”.⁵⁵

Perbezaan sistem politik yang berlainan juga telah mempengaruhi Brunei untuk tidak menyertai persekutuan ini. Bagi Brunei, sultan bukan saja menjadi lambang dalam sebuah sistem kesultanan tetapi mempunyai kuasa penuh dalam sistem politik Brunei dan baginda mempunyai kebebasan untuk bertindak. Jika kerajaan Brunei menyertai Malaysia, setentunya sultan dan para pengikutnya akan kekurangan kuasa mutlak kerana mereka perlu akur dengan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen. Kuasa pemerintahan akan diletakkan di tangan rakyat. Hal ini menyebabkan perjuangan sultan Brunei untuk mewujudkan semula sebuah pemerintahan Kesultanan Melayu akan musnah. Baginda juga pernah mengatakan bahawa syarat utama ke arah percantuman ialah untuk mengabadikan kedaulatan.⁵⁶

Kepentingan British dalam “politik minyak” juga mempengaruhi kegagalan rundingan ini. Kerajaan British ingin terus kekal di Brunei yang mula menampakkan potensi ekonomi setelah berjaya menemui telaga baru di kawasaan pantai Brunei.⁵⁷ Kerana itu, semasa rundingan sedang berjalan satu telegram telah dikirim kepada Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk mempengaruhi baginda supaya rancangan untuk memasuki Malaysia perlu difikirkan semula.

⁵⁵ Malayan Times, 24 Jun 1963.

⁵⁶ Greater Malaysia: Brunei Aspects, Letter From D.C. White to W.I.J Wallace, Esq., CMG OBE, 27 November 1961, C.O. 1030/1012, f. 188.

⁵⁷ Mohamad Abu Bakar, “Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia”, hal. 137.

Tindakan ini mendapat kecaman dari parti-parti politik Brunei yang mahukan Brunei menyertai persekutuan tersebut. Mereka juga mempunyai kepentingan sendiri dan mengatakan bahawa hanya dengan memasuki Persekutuan Malaysia, Brunei akan berkembang dalam pembangunannya.⁵⁸ Penarikan ini bererti Sultan Omar Ali Saifuddien III mahu menentukan nasib sendiri tanpa pergantungan dengan negara luar untuk menjamin kemerdekaannya. Baginda mula mewujudkan semula percubaan ke arah sistem demokrasi dengan membuat pindaan perlombagaan.

4.3 Hubungan Brunei Dengan Malaysia

Sikap kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mula berubah apabila kerajaan Brunei yang diterajui oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III menarik diri dari menyertai Persekutuan Malaysia yang direalisasikan pada 16 September 1963. Hubungan kedua negara mulai renggang apabila kerajaan Malaysia membuat tekanan ke atas Brunei dengan menarik pegawai-pegawai yang dipinjamkan kepada Brunei,⁵⁹ mengkaji semula mengenai sistem kewangan, sistem penerbangan dan telekom.⁶⁰ Tindakan untuk menarik pegawai-pegawai pentadbir, polis dan guru oleh Tunku Abdul Rahman beralaskan kepada sikap diskriminasi dan layanan yang buruk yang diberikan oleh kerajaan Brunei kepada pegawai-pegawai tersebut dan mereka dianggap sebagai ‘penjajah berkulit hitam’.⁶¹ Kenyataan ini telah dinafikan oleh Sultan Brunei yang

⁵⁸ Pelita Brunei, 20 Mac 1963.

⁵⁹ Borneo Bulletin, 27 Julai 1963

⁶⁰ Pelita Brunei, 1 Julai 1964.

⁶¹ Pelita Brunei, 1 Januari 1964. Lihat The Sarawak Tribune, 27 Disember 1963.

menjelaskan tidak ada sebarang sebab untuk mendiskriminasikan pegawai-pegawai dari Malaysia.⁶² Baginda menyatakan tuduhan tersebut tidak berasas sama sekali.⁶³

Tindakan ini hampir melumpuhkan jentera pentadbiran Brunei kerana kerajaan Brunei masih kekurangan pegawai yang berpengalaman dan masih memerlukan pergantungan dengan kerajaan Malaysia. Kerajaan Malaysia pula mengharap tindakan ini akan mengubah pendirian sultan Brunei supaya memikirkan semula keputusan baginda. Sebaliknya sultan Brunei tidak berkecil hati dan bimbang dengan tindakan tersebut.⁶⁴ Untuk meneruskan '*survival*' politik Brunei baginda mula mencari alternatif lain untuk mengisikan jawatan-jawatan yang telah dikosongkan oleh pegawai-pegawai Malaysia dengan pegawai-pegawai pentadbir dan teknikal dari British, guru-guru dari Filipina⁶⁵ dan Singapura.⁶⁶ Sikap kerajaan Malaysia ini menyebabkan Brunei mula mengalihkan semula pergantungannya kepada kerajaan British. Untuk menjamin keselamatan negara sultan Brunei juga telah mengadakan perundingan dengan kerajaan British bagi mendapatkan perkhidmatan Pasukan Tentera Gurkha.⁶⁷

Perpisahan Singapura dari Persekutuan Malaysia pada 1965 telah memberi kesan positif ke atas sistem pentadbiran Brunei apabila Singapura memberikan bantuan untuk mengatasi masalah pentadbiran Brunei dengan menghantar beberapa

⁶² Borneo Bulletin, 4 Januari 1964.

⁶³ Pelita Brunei, 1 April 1964.

⁶⁴ Temu bual Patrick Killen, seorang pemberita United Press International dengan Sultan Brunei pada 23 Jun 1964. Lihat Pelita Brunei, 1 Julai 1964.

⁶⁵ Filipina telah memberikan bantuan bidang profesional, pentadbiran dan juga pendidikan. Tahun 1964 seramai lebih kurang 20 pegawai Filipina telah berkhidmat dengan kerajaan Brunei, lihat Pelita Brunei, 4 Mac 1964 dan Borneo Bulletin, 22 Februari 1964.

⁶⁶ Malay Mail, 24 Mei 1968, lihat Straits Times, 12 Oktober 1970 dan 26 November 1970,

orang pegawai pentadbir dan guru. Hal ini menjadikan hubungan antara serajaan Brunei dengan Singapura semakin erat dan menjadikan Singapura sebagai pusat perkhidmatan pegawai-pegawai dalam segala bidang.

Kejayaan Brunei dalam “*survival*” politik menerusi pergantungannya kepada negara lain termasuk British, Singapura dan juga Filipina menyebabkan Malaysia mula meningkatkan tekanannya. Kerajaan Malaysia mula mencampuri hal ehwal politik dalam Brunei dengan membantu dan memberi perlindungan politik kepada tahanan-tahanan politik Brunei yang dapat melarikan diri dari Pusat Tahanan Berakas.⁶⁸ Malaysia juga mula menunjukkan simpati kepada PRB dan mula memberikan bantuan untuk meneruskan perjuangan PRB menuntut kemerdekaan diperingkat antarabangsa.⁶⁹ Tindakan ini bertujuan untuk membuka harapan baru supaya Brunei mengubah pendiriannya kerana kerajaan Malaysia masih mengharapkan supaya Brunei menyertai Persekutuan Malaysia.⁷⁰

Bagaimanapun tindakan ini tidak dapat mengubah pendirian Brunei sebaliknya Brunei bersedia akan mengambil tindak balas terhadap negara yang cuba mengancam kedaulatannya sama ada ancaman tersebut dilancarkan dari dalam atau dari luar

⁶⁷ Pelita Brunei, 1 Julai 1964.

⁶⁸ Kerajaan Brunei telah menuduh Malaysia terlibat dalam membantu 10 orang tahanan untuk melepaskan diri Pusat Tahanan Berakas yang dibantu oleh seorang Pegawas Penjara Malaysia, Mat Desa pada 12 Julai 1973, Lihat Borneo Bulletin, 28 Julai 1973. Di ikuti oleh seramai 89 orang dari Kampong Lumapas, pada 12 Mei 1974. Lihat The Sarawak Tribune, 20 Mei 1974 dan pada 16 Jun 1974, seramai 22 orang pelajar Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien, Brunei.

⁶⁹ Kerajaan Malaysia telah membantu menghidupkan semula perjuangan PRB dan membawa isu kemerdekaan Brunei yang diperjuangkan oleh PRB ke Persekutuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mendapatkan sokongan dunia terhadap perjuangan PRB. Lihat Zaini Haji Ahmad (ed.), The People's Party of Brunei, Selected Documents, Kuala Lumpur: Institute of Social Analysis (INSAN), document No. A/AC/ 4/L 1103, hal. 339, document No. A/AC 4/L 1103, hal. 340. Lihat juga Utusan Melayu, 4 Disember 1975 dan 14 Januari 1976.

⁷⁰ North Borneo and Sabah Times, 12 Julai 1963.

negaranya.⁷¹ Brunei mengutuk sikap campur tangan kerajaan Malaysia terhadap kedaulatan, keamanan dan ketenteraman Brunei yang dianggap sebagai mencampuri hal ehwal dalam negeri Brunei.⁷² Tindakan Malaysia telah memberi kesan dalam perkembangan politik Brunei yang mahu mempertahankan identiti, maruah dan kedaulatannya.

4.3.1 Tuntutan Brunei Ke Atas Limbang

Semantara itu kes tuntutan Brunei ke atas Limbang telah berbangkit. Tuntutan ini dibuat dengan berasaskan perspektif sejarah dan berlandaskan kepada Islam.⁷³ Dari segi sejarah Limbang memang kepunyaan Brunei tetapi wilayah ini telah diambil oleh Charles Brooke tanpa sebarang perjanjian pada 17 Mac 1890.⁷⁴ Wilayah ini kemudiannya telah dimasukkan ke dalam wilayah Sarawak dengan alasan mendapat persetujuan ketua-ketua masyarakat Limbang. Tindakan ini mendapat tentangan sultan Brunei, Sultan Hashim Jalilul Alam Akamuddin (1885-1906) dan dianggap sebagai merampas wilayah dan mencabuli kedaulatan Brunei serta bertentangan dengan *Amanat 1885*⁷⁵ yang ditanda tangani oleh Sultan Abdul Momin (1852-1885) dengan pembesar-pembesar Brunei.⁷⁶ Baginda mengkritik Perjanjian 1888 antara Brunei dan British tidak dapat memberi jaminan untuk mempertahankan wilayah-wilayah Brunei. Sultan Brunei telah membuat bantahan kepada kerajaan British dengan menghantar

⁷¹ Borneo Bulletin, 18 Oktober 1975.

⁷² Straits Times, 14 Januari 1976, Berita Harian, 16 Januari 1976.

⁷³ Straits Times, 23 Oktober 1971.

⁷⁴ R.E., Stubbs, "Two Colonial Office Memoranda on The History of Brunei", JMBRAS, Vol. 41, part 2, 1968, hal. 90.

⁷⁵ Amanat 1885, Merupakan satu ikrar antara Sultan dengan pembesar-pembesar Brunei. Tujuannya menghalang penyerahan mana-mana wilayah kerajaan, tulin dan kuripan kepada orang-orang barat.

⁷⁶ BAR, 1964, hal. 233.

telegraf kepada Queen Victoria supaya Limbang diserahkan semula kepada Brunei.⁷⁷ Treahear, pemangku Konsol General British di Labuan, juga merasa kecewa dengan tindakan ini.

Oleh kerana pihak British menyokong pengambilan wilayah tersebut maka Pejabat Hal Ehwal Luar British telah menutup tuntutan ini.⁷⁸ Sebaliknya kerajaan British menasihatkan sultan Brunei supaya menerima \$6,000 setahun dari kerajaan Sarawak.⁷⁹ Pada 1898, J. Weld, pemangku Konsol British di Brunei juga telah menasihatkan sultan supaya patuh segala keputusan British mengenai perbalahan Brunei dengan negeri asing.⁸⁰

Menurut R.E. Stubbs, kejayaan Brooke mengambil wilayah Limbang mempunyai hubungan dengan sejarah wilayah tersebut. Sejak 1860, keadaan wilayah ini tidak aman dan sentiasa berlaku huru hara akibat timbulnya perasaan tidak puas hati dengan sistem pungutan cukai yang dianggap oleh penduduk wilayah tersebut sebagai pemerasan. Penentangan ini akhirnya telah menimbulkan pemberontakan pada bulan Ogos 1884. Pemberontakan ini telah merebak ke Brunei. Oleh kerana bimbang ancaman keselamatan, Sultan Hashim telah minta bantuan kepada Treacher. Treacher setuju untuk memberi bantuan dengan syarat sultan Brunei mestilah membebaskan dan mengampunkan Dato Klassie, ketua pemberontak. Sultan juga berjanji akan menghentikan untuk memungut cukai sawenang-wenang. Sultan juga

⁷⁷ Steven Runciman, The White Rajahs. A History of Sarawak From 1841-1946, London: Cambridge University Press, 1969, hal. 194.

⁷⁸ B.A. Hamzah, "The Political Economy of Oil In Brunei", hal. 44.

⁷⁹ R.E. Stubbs, "Two Colonial Office Memoranda on The History of Brunei", hal. 90.

⁸⁰ Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 85.

tidak dibenarkan untuk menghantar wakil pemungut cukai ke wilayah tersebut sebaliknya cukai tersebut akan diserahkan kepada Brunei.⁸¹

Demi untuk menyelamatkan kedudukannya, Sultan Hashim bersetuju walaupun tanpa kerelaan baginda dan sedar tindakan ini boleh membangkitkan kemarahan penduduk Brunei dan boleh saja membawa kepada penentangan ke atas pemerintahan baginda. Semasa perundingan berlangsung antara Treacher dengan sultan, pemberontak-pemberontak sedang merusuh. Sultan Hashim telah mengarahkan Temanggong untuk menyerang Limbang. Oleh kerana serangan tersebut terlalu agresif Sultan Hashim mula bimbang dan Treacher pula merasakan beliau telah dikhianati. Akhirnya Treacher mengarahkan kapal perang H.M.S. Pegasus untuk mengamankan keadaan tersebut.⁸²

Perselisihan antara pemimpin-pemimpin puak di Limbang pula masih berterusan. Inilah yang telah memberi laluan untuk Charles Brooke mendapatkan wilayah tersebut dengan merancang satu lagi pemberontakan pada 1885.⁸³ Tindakan Charles Brooke, menduduki wilayah Limbang berpunca daripada sikap iri hati dengan kejayaan “*British North Borneo Company*” (BNBC) yang berjaya mendapat pajakan di bahagian utara Borneo apabila syarikat tersebut berjaya menanda tangani perjanjian 1877 dan 1881 sedangkan beliau gagal untuk mendapatkan wilayah-wilayah Brunei yang lain. Dengan menggunakan tipu helah beliau berjaya menduduki Limbang walaupun dengan cara tidak sah.

⁸¹ R.E. Stubbs, “Two Colonial Office Memoranda on the History of Brunei”, hal. 91.

⁸² *Ibid.*

⁸³ Geraham Irwin, Borneo Abad ke-19, Terjamahan Mohd Noor Ghani dan Noraini Ismail, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1986, hal.267.

Pengambilan wilayah Limbang menjadi duri dalam daging kepada sultan dan pembesar-pembesar Brunei.⁸⁴ Rampasan wilayah Limbang bukan sahaja telah menimbulkan masalah keselamatan bahkan menjelaskan ekonomi dan politik Brunei. Limbang merupakan sumber utama ekonomi Brunei kerana tanahnya subur. Kehilangannya telah melumpuhkan perdagangan Brunei.⁸⁵

Sebelum Sarawak menyertai Persekutuan Malaysia, satu usul telah dikemukakan oleh Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemanca Mohd Salleh dalam MMN yang bersidang pada bulan Disember 1960 mendesak Kerajaan Brunei supaya mengadakan rundingan dengan Kerajaan Sarawak mengenai penyerahan Limbang. Beliau memberi alasan bahawa tidak terdapat sebarang perjanjian atau penyerahan wilayah tersebut kepada kerajaan Sarawak.⁸⁶ Satu surat rayuan telah dihantar kepada Gabenor Sarawak, Sir Alexander Well agar Limbang diserahkan kepada Brunei sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia.⁸⁷ Tuntutan ini juga telah mendapat sokongan dari PRB.⁸⁸

Kerajaan Sarawak telah menolak tuntutan tersebut dengan alasan tidak ada bukti yang menyokong tuntutan tersebut boleh dilaksanakan untuk mengubah status Limbang.⁸⁹ Sarawak juga melihat tuntutan tersebut tidak mendapat sokongan majoriti penduduk-penduduk Limbang ia merupakan hasil hasutan PRB dan SUPP supaya

⁸⁴ Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C. O. 1030/1067.

⁸⁵ A.V.M. Horton, Report on Brunei 1904, by H.M. Mac Arthur. Ohio: Athens Ohio, 1987, hal. 13.

⁸⁶ Borneo Bulletin, 31 Disember 1960, Lihat juga Sarawak Gazette, 31 Oktober 1971 dan Utusan Sarawak, 29 April 1961.

⁸⁷ Borneo Bulletin, 24 Mac 1962.

⁸⁸ Borneo Bulletin, 24 Mac 1961.

Limbang dikembalikan kepada Brunei. Penyokong-penyokongnya pula hanya terdiri daripada orang-orang Melayu dan Kedayan yang berasal dari Brunei.⁹⁰

Sikap negatif Kerajaan Sarawak terhadap isu ini menyebabkan penduduk-penduduk Limbang mengadakan demonstrasi pada 8 Mei 1962 semasa setiausaha kerajaan Sarawak F.D. Jakeway melawat Limbang dengan harapan kerajaan Sarawak akan mengubah pendirian terhadap isu tersebut.⁹¹ Mereka membawa sepanduk dan melaungkan slogan supaya Limbang dikembalikan kepada Brunei.

Salah seorang pemimpin penduduk Limbang Awang Aming bin Bakir secara lantang menyuarakan supaya Limbang dikembalikan kepada Brunei. Mereka juga menuntut supaya pungutan suara dijalankan untuk menentukan sokongan penduduk Limbang terhadap tuntutan tersebut. Mereka juga mengancam akan berhubung dengan kolonial office dan Queen Elizabeth.⁹² Beberapa surat rayuan juga telah dikemukakan kepada Perdana Menteri, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura, Pengurus MSSC, Setiausaha Umum PBB, Lord Cobbold dan juga kepada kerajaan Brunei.⁹³ Kerana sebelum ini, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman telah membuat cadangan dalam pragraf 4 memorandum mengenai rancangan Malaysia bertarikh 26 Jun 1961;⁹⁴

⁸⁹ Borneo Bulletin, 5 Mei 1962.

⁹⁰ Brunei Disturbance, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1067.

⁹¹ Borneo Bulletin, 19 Mei 1962.

⁹² Ibid.

⁹³ Borneo Bulletin, 9 Jun 1962. Lihat juga North Borneo and Sabah Times, 13 Jun 1962.

⁹⁴ Greater Malaysia: Brunei Aspects, C.O. 1030/1012, f. 177.

It would be better of course if Sarawak could be returned to Brunei at least the northern part of Sarawak, where the population is mainly Malay and Dayaks

Sungguhpun penduduk Limbang ghairah menyokong tuntutan tersebut tetapi kerajaan Brunei belum menampakkan sebarang reaksi yang serious kerana ia melibatkan dasar luar Brunei. Mungkin juga untuk mengelakkan spekulasi daripada kerajaan Sarawak bahawa kerajaan Brunei terlibat menghasut penduduk-penduduk Limbang.⁹⁵ Tuntutan-tuntutan penduduk Limbang memang mendapat perhatian Sultan Omar Ali Saifuddien III. Baginda telah mengajukan satu permintaan rasmi kepada kerajaan British melalui Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei, Tuan D.C. White.⁹⁶ Permintaan tersebut tidak mendapat sebarang reaksi dari kerajaan British. Bagaimanapun selepas Brunei tidak menyertai Persekutuan Malaysia pada 1963 tuntutan mengenai Limbang muncul sekali lagi. Kebangkitan semula isu ini kerana keselamatan Brunei terancam akibat tekanan kerajaan Malaysia kepada Brunei dan sokongan Malaysia kepada PRB yang menjadikan Limbang sebagai pusat gerakan propagandanya. Keadaan ini menjadikan konflik antara Brunei dengan Malaysia bertambah hangat.

Setelah sahih Brunei tidak menyertai Persekutuan Malaysia, Brunei mula mengemukakan tuntutannya kepada Malaysia menerusi kerajaan British dengan berasaskan kepada undang-undang agama Islam.⁹⁷ Menurut baginda “*Brunei and Limbang are not separated because Limbang belongs to Brunei*”.⁹⁸ Baginda juga

⁹⁵ North Borneo and Sabah Times, 10 April 1963.

⁹⁶ Brunei Disturbance 1962-1963, 20 Disember 1962, C.O. 1030/1067.

⁹⁷ Tuntuan Brunei ke atas Limbang telah dikemukakan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III kepada kerajaan British melalui Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei D.C. White. Lihat C.O. 1030/1067.

⁹⁸ Borneo Bulletin, 2 Oktober 1970 dan 3 Oktober 1970.

melarang diletakkan sebarang garis sempadan antara Brunei dengan Limbang. Tuntutan ini telah ditolak oleh Malaysia dengan alasan Brunei belum merdeka. Tunku Abdul Rahman melihat tuntutan tersebut akan mengembalikan Limbang ke zaman penjajahan. Tun Abdul Razak pula menyatakan Malaysia tidak dapat melayani tuntutan Brunei ke atas Limbang kerana bukan urusan kerajaan Malaysia tetapi antara kerajaan Brunei dengan British. Kerajaan Malaysia tidak akan melayani sebarang rundingan mengenai isu Limbang dengan Brunei.⁹⁹

Sarawak juga tidak berdiam diri dan menyokong kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman untuk menentang sebarang tuntutan yang dikemukakan oleh Brunei ke atas wilayah Limbang. Ketua Menteri Sarawak Datuk Abdul Rahman Yaakub menjelaskan “*we would never accept to discuss Limbang as part of Sarawak*”.¹⁰⁰ Tuntutan ini dilihat seolah-olah Brunei mahu merampas kemerdekaan Sarawak dan memasukkan ke dalam belenggu penjajahan.¹⁰¹ Kerajaan Sarawak juga melihat tuntutan Brunei sebagai tidak berasas kerana tidak ada bukti Brunei berhak berbuat demikian yakni “*without any legal or historical grounds*”.¹⁰²

Tuntutan kerajaan Brunei ke atas Limbang juga berasaskan kepada hak dan lunas-lunas Islam. Tindakan Charles Brooke mengambil wilayah tanpa sebarang perjanjian penyerahan atau bukti yang menunjukkan wilayah tersebut telah di serahkan kepada Sarawak boleh dianggap sebagai merampas. Oleh itu wajarlah tanah terlibat

⁹⁹ Berita Harian, 13 Oktober 1970.

¹⁰⁰ Straits Times, 29 Mac 1974 dan Malay Mail, 29 Mac 1974.

¹⁰¹ The Sarawak Tribune, 3 April 1974.

dikembalikan kepada pemilik asalnya. Kerajaan Malaysia sepatutnya menghormati kehendak penduduk Limbang. Tindakan kerajaan Sarawak menolak tuntutan dan menganggap Brunei tidak mempunyai kepentingan ke atas tuntutan tersebut boleh dianggap sebagai tindakan golongan yang tidak mengetahui sejarah. Tidaklah benar anggapan bahawa Brunei iri hati terhadap kemajuan yang dicapai oleh Limbang sejak memasuki Malaysia.¹⁰³ Malangnya *perang mulut* provokasi dan tuduh menuduh telah tercetus antara satu dengan lain. Bagaimanapun isu tuntutan tersebut masih belum diselesaikan sehingga ke hari ini dan isu tersebut beransur hilang. Namun demikian isu ini muncul semula apabila pecah berita Kerajaan Malaysia ingin menjual Limbang kepada Brunei pada 1987.

4.4 Perubahan Perlembagaan dan Pilihan Raya 1965

Berikutan dengan penarikan Brunei dari menyertai Persekutuan Malaysia, sultan Brunei mula memikirkan masa depan dan ‘survival’ politik Brunei. Baginda mula menerima tekanan dari luar dan dalam negeri. Penarikan balik pegawai-pegawai Malaysia yang dipinjamkan ke Brunei dan kemerdekaan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia menjadikan kedudukan Brunei semakin terhimpit. Ancaman keselamatan Brunei akibat sokongan Indonesia ke atas perjuangan PRB sangat membimbangkan Sultan Brunei. Perubahan polisi dasar luar British setelah Parti Buruh berkuasa 1965, yang melepaskan tanggungjawabnya ke atas Brunei telah memaksa Brunei untuk membuat satu reformasi ke atas perlembagaan.

¹⁰² The Sarawak Tribune, 31 Mac 1974.

Setelah sultan Brunei menarik diri dari memasuki Persekutuan Malaysia, baginda mula memikirkan mengenai masa depan kelanjutan sistem kesultanan Brunei. Pada Oktober 1964, baginda telah mengadakan perundingan dengan Pegawai-Pegawai Perhubungan Komanwel, untuk mendapatkan bantuan pakar-pakar teknik dan pentadbiran. Baginda juga menyedari negara kecil seperti Brunei akan terdedah kepada ancaman luar akibat perkembangan pengaruh komunis dan sokongan Indonesia kepada perjuangan PRB. Kerana itu Sultan Omar Ali Saifuddien III telah mengadakan perundingan dengan kerajaan British bagi mendapatkan perkhidmatan dengan Pasukan Tentera Gurkha untuk mengawal keselamatan Brunei.¹⁰⁴ Hal ini menunjukkan Brunei memulakan pergantungan semula dengan kerajaan British. Baginda berpendapat, hanya dengan sistem kesultanan ini akan dapat menjamin keamanan dan kesejahteraan rakyat. Baginda menolak sistem demokrasi walaupun cuba mengenalkan sistem tersebut. Ini merupakan salah satu faktor utama baginda tidak memasuki persekutuan tersebut kerana perlombagaan Malaysia tidak dapat menjamin kedudukanya untuk mengekalkan sistem tersebut. Kerana itu, baginda tidak mahu mengundang parti-parti politik yang wujud selepas pemberontakan untuk menentukan dasar kerajaan.¹⁰⁵ Ini jelas apabila parti-parti tersebut tidak diundang menyertai rombongan kerajaan Brunei dalam perundingan dengan Persekutuan Tanah Melayu mengenai isu Malaysia. Mengikut Ranjit Singh;¹⁰⁶

¹⁰³ The Sarawak Tribune, 3 April 1974.

¹⁰⁴ Pelita Brunei, 1 Julai 1964.

¹⁰⁵ Parti-parti tersebut terdiri dari, Brunei National Organisation (BNO) yang dipimpin oleh Abdul Manan bin Mohamad. Parti ini telah ditubuhkan pada tahun 1960, Brunei United Party (BUP) yang dipimpin oleh Haji Hasbolallah bin Haji Daud, Brunei Peoples Alliance (BPA) yang dipimpin oleh Haji Ghazali bin Umar. Parti ini telah ditubuhkan pada bulan November 1962.

¹⁰⁶ Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 207.

The first indication that the Sultan had no place for political parties or democratic opinion in his administration came when in February 1963 he sent a six-member official delegation to Kuala Lumpur to negotiate for the terms of Brunei's entry into Malaysia. The Alliance requested that its members be included in the delegation. The Sultan, however ignored this requested and ignored the Brunei Alliance.

Baginda ingin terus mengekalkan Perlembagaan 1959, untuk menjadikan Brunei sebagai sebuah negara kesultanan Melayu "*Brunei remained an absolute monarchy and little party activity took place*"¹⁰⁷ Hal ini menunjukkan Sultan Omar Ali Saifuddien III akan terus mengekalkan kuasa otokratiknya walaupun sistem tersebut mendapat cabaran. Perlembagaan merupakan alat baginda untuk menjamin kedudukan dan kuasa sultan. Baginda juga sedar kelanjutan sistem ini memerlukan sokongan rakyat untuk menjamin kestabilan maka perlunya satu penyesuaian terhadap sistem politik negara jiran terutama Malaysia. Langkah ini juga diharap akan mengurangkan desakan British ke atas Brunei. Kerana itu, semasa bertitah di Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri pada 26 Ogos 1964, baginda menjanjikan untuk mengadakan reformasi ke atas perlembagaan dengan memberikan kebebasan politik kepada rakyat Brunei seperti yang diamalkan oleh negara-negara lain yang mengamalkan demokrasi. Tetapi baginda ragu sistem ini akan dapat dikendalikan dengan baik memandangkan rendahnya keupayaan rakyat masa itu;¹⁰⁸

Jika sekiranya badan-badan pemerintahan yang sedemikian itu hendak diwujudkan di Brunei maka jelas bahawa mestilah diadakan satu tempoh perubahan, dalam waktu mana, rakyat beta akan membiasakan diri mereka untuk mengelolakan badan-badan berdemokrasi ini

¹⁰⁷ Ibid., hal. 211.

¹⁰⁸ Pelita Brunei, 2 Disember 1964.

Baginda juga menjanjikan untuk mengadakan satu pilihan raya bagi memilih ahli-ahli Majlis Mseyuarat Negeri pada awal 1965.¹⁰⁹ Majlis Mesyuarat Negeri akan mengandungi 21 orang ahli. 10 orang ahli yang dipilih, 6 orang ahli kerana jawatan (ex-officio) dan 5 orang ahli yang dilantik.¹¹⁰ Baginda juga berjanji akan memperkenalkan sistem berkementerian. Tempoh perkhidmatan dilanjutkan dari tiga tahun kepada lima tahun.¹¹¹

Pada November 1964, Sultan Omar Ali Saifuddien III dan rombongan sekali lagi berangkat ke London untuk membincangkan cadangan mengenai sistem kementerian yang akan dibentuk selepas pilihan raya dengan Setiausaha Negara bagi Perhubungan Komanwel, Mr. Arthur Bottomley.¹¹² Proposal ini mendapat persetujuan dari kerajaan British yang mengharapkan Brunei akan dapat mewujudkan sebuah pemerintahan demokrasi berparlimen secepat mungkin.¹¹³ Satu pindaan rang undang-undang pilihan raya telah diluluskan untuk membolehkan Brunei mengadakan pilihan raya secara langsung (direct election).¹¹⁴ Pada awal Januari 1965, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah berangkat ke London untuk mengadakan perundingan dengan Setiausaha Komanwel, Mr. Arthur Bottomley, mengenai pilihan raya yang dicadangkan pada Mac 1965.¹¹⁵

¹⁰⁹ Ibid., 2 September 1964.

¹¹⁰ Pelita Brunei, 19 Ogos 1964.

¹¹¹ Ibid.

¹¹² Pelita Brunei, 6 Januari 1965., Lihat juga Eussoff Agaki Haji Ismail, "Brunei Darussalam: Its Re-Emergence As A Sovereign And Independent Malay-Muslim Sultanate (1959-1983)", M.Phil. Thesis, University of Hull, England, 1991, hal. 121.

¹¹³ Ibid., hal.122.

¹¹⁴ Pelita Brunei, 20 Januari 1965.

¹¹⁵ Pelita Brunei , 6 Januari 1965.

Ekoran dari pengumuman tersebut, Sultan Brunei telah mendapat kritikan daripada pemimpin Brunei Alliance Party (BAP), Haji Hasbollah yang mengatakan pilihan raya tersebut tidak akan membawa sebarang perubahan jika keahlian MMN masih mengekalkan sistem lama iaitu bilangan ahli-ahli rasmi melebihi dari ahli-ahli yang dipilih.¹¹⁶ Haji Ghazali, pemimpin Brunei Peoples Alliance (BPA) sebaliknya telah menyambut baik rancangan tersebut dan mengatakan ini merupakan satu langkah ke hadapan demi untuk mempercepatkan kemerdekaan Brunei.

Pemilihan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Daerah dan Majlis Mesyuarat Negeri telah ditetapkan pada 18 dan 20 Mac 1965. Sebanyak 55 kerusi akan dipertandingkan dalam MMD. Seramai 24 orang calon dari daerah Brunei dan Muara, seramai 12 orang calon dari daerah Tutong, 12 orang calon dari daerah Belait dan 7 orang calon dari daerah Temburong. Sebanyak 10 buah kerusi akan dipertandingkan bagi Majlis Mesyuarat Negeri. 4 orang calon dari daerah Brunei dan Muara, 2 orang calon dari daerah Tutong, 3 orang calon dari daerah Belait dan 1 orang calon dari daerah Temburong. Seramai 19, 142 orang jumlah pengundi yang berdaftar, 11,902 orang dari daerah Brunei dan Muara, 4,404 orang dari daerah Tutong, 2,355 dari daerah Belait dan 841 orang dari daerah Temburong.¹¹⁷ Seramai 36 orang calon bertanding dalam Majlis Mesyuarat Negeri, seramai 6 orang daripadanya adalah bekas pengikut-pengikut PRB.

Dari 36 orang calon yang bertanding bagi merebut 10 kerusi dalam MMN 9 buah daripada 10 buah kerusi yang dipertandingkan telah dimenangi oleh parti bebas

¹¹⁶ Borneo Bulletin, 18 April 1964 dan 25 April 1964.

iaitu Pengiran Damit bin Pengiran Sungguh, Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Limbang, Pengiran Mohd Yusof bin Pengiran Abu Bakar, Zainal Abiddin bin Putih, Abd Wahab OKS Safar, Mohd Zain bin Serudin, Othman bin Sungguh, Arif bin Mujun dan Haji Halus bin Abdul Samad.¹¹⁸ Parti-parti BUP, BNO dan BPFS gagal memenagi sebarang kerusi kecuali calon BPA, Pengiran Majid bin Pengiran Mohd Daud.¹¹⁹ Presiden BNO, Abd Manan bin Mohamad tewas kepada Md. Zain bin Serudin dari Parti Bebas.¹²⁰ Haji Ghazali bin Umar, Presiden BPA telah tewas oleh Abd Wahab bin OKS Safar.¹²¹ Arsad bin Marsal, presiden BPFS juga telah tewas.

Keputusan tersebut, menggambarkan rakyat Brunei telah menolak calon-calon dari parti politik baru. Kesan yang paling ketara dengan keputusan ini ialah cita-cita pembentukan sebuah pemerintahan yang bercorak demokrasi menjadi lemah kerana majlis tersebut tidak mungkin dapat memberi sebarang tekanan yang berkesan kepada kerajaan untuk menuntut sebarang perubahan. Jadi, sistem pemerintahan demokrasi berparlimen diharapkan tidak dapat direalisasikan.

Untuk merealisasikan sistem berkementerian seperti, kehendak kerajaan British satu pindaan perlembagaan 1962 telah dibuat. Melalui pindaan ini membolehkan sistem berkementerian dimulakan bagi memenuhi desakan British. Dengan ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan akan dijadikan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri. Majlis ini akan mengandungi seramai 6 orang ahli ex-officio dan seramai 4 orang dari ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Menteri-Menteri yang akan dilantik

¹¹⁷ Ibid., 3 Februari 1965.

¹¹⁸ Borneo Bulletin, 27 Mac 1965.

¹¹⁹ Ibid., 27 Mac 1965.

bertanggungjawab kepada sultan untuk menjalankan kuasa memerintah dalam negeri yang sebelum ini dijalankan oleh Menteri Besar.¹²²

Pada bulan Mei 1965, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah ke London untuk mengadakan perundingan dengan Mr. Arthur Bottomley, Setiausaha Negara Komanwel dan Mr Cledwyn Hugh, Menteri Negara Komanwel mengenai pilihan raya dan sistem berkementerian yang akan dibentuk.¹²³ Semasa perundingan, Kerajaan British telah mendesak Sultan Omar Ali Saifuddien III supaya mempercepatkan proses kerajaan berkabinet yang bertanggung jawab. Menurut David Leake;¹²⁴

The British renewed pressure on Sir Omar when he went to London after the elections (1965) where they began pressuring Sir Omar to introduce democratic reforms, delegate more powers to his underlings and start preparing for full independence as early as possible

Semantara itu kemenangan Parti Buruh di Britain untuk mengambil alih kerajaan dari Parti Konservatif pada 1965¹²⁵ telah membimbangkan sultan Omar Ali Saifuddien III berikutan dengan perubahan dasar luarnya iaitu hendak menarik balik semua anggota tenternya dari timur Suez pada November 1969.¹²⁶ Berikutan dari pengumuman ini Perjanjian Persahabatan dan Keselamatan Brunei 1959 juga akan mansuh. Keputusan ini akan menimbulkan masalah keselamatan Brunei apabila tentera Gurkha yang ditempatkan di Brunei sejak 1962 akan terlibat. Berikutan

¹²⁰ Md Zain bin Serudin adalah bekas pengikut-pengikut PRB.

¹²¹ Beliau adalah bekas pengikut PRB tetapi pilihan raka kali ini beliau sebagai calon bebas.

¹²² Pelita Brunei, 21 April 1965.

¹²³ Ibid., 19 Mei 1965.

¹²⁴ J.R. David Leake, Brunei: The Modern Southeast-Asian Islamic Sultanate, Kuala Lumpur: Forum, 1989, hal. 55.

¹²⁵ Pelita Brunei, 21 Oktober 1964. Lihat juga Borneo Bulletin, 27 Disember 1969.

dengan keputusan ini, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah berangkat ke London untuk mengadakan perundingan dengan pegawai-pegawai dari Pejabat Pertubuhan Komanwel, Kementerian Pertahanan dan Perkembangan Seberang Laut mengenai dengan masa depan Brunei.¹²⁷

Keputusan kerajaan British untuk mengundurkan tenteranya telah mempengaruhi pendirian Sultan Omar Ali Saifuddien III kerana kerajaan British di bawah Parti Buruh mahukan Brunei mencapai kemerdekaan secepat mungkin dan membentuk sebuah kerajaan yang bertanggungjawab berasaskan pemerintahan demokrasi berparlimen.

Kerajaan British juga cuba mendesak Sultan Omar Ali Saifuddien III supaya ahli-ahli majlis yang dipilih ditambah dari 10 ke 20 orang.¹²⁸ Baginda cuba menolak dan mengatakan “*saya telah memberi tahu bahawa sepanjang perjalanan perubahan perlembagaan, saya mesti mengambil langkah satu persatu. Ini akan dapat memastikan untuk menghindarkan kesusuahan*”.¹²⁹ Sultan Omar Ali Saifuddien III cuba berkeras dan mengatakan bahawa memang hasrat baginda untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang bebas tetapi beberapa perkara perlu juga diambil kira bagi menjamin keselamatan dan mengisi kekosongan yang masih belum terisi;¹³⁰

¹²⁶ Srikant Dutt, “Brunei: The Forgotten State of South-East Asia”, China Report, Vol. 17, No. 6, 1981, hal. 37.

¹²⁷ Pelita Brunei, 6 Januari 1965.

¹²⁸ Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 209.

¹²⁹ Ibid., hal. 210.

¹³⁰ Malay Mail, 8 November 1967.

it was not praticle to talk in terms of independence and full election in Brunei unless there's knowledgeable, honest and dedicated Bruneians to manage the affairs of State

Akhirnya semasa rundingan dibuat dengan Setiausaha Komanwel, Arthur Bottomley pada 27 Mei 1965 Sultan Omar Ali Saifuddien III terpaksa setuju untuk membuat reformasi dan merealisasikan sistem berparlimen yang berbentuk demokrasi penuh dan sistem berkementerian. Baginda juga setuju untuk melantik seramai 4 orang Menteri Muda dan menambah ahli-ahli yang dipilih dari 10 orang kepada 20 orang.¹³¹ Pada Jun 1965, kerajaan Brunei telah mengumumkan sistem tersebut. Sebagai langkah permulaan seramai 4 orang Timbalan Menteri telah dilantik. Pengiran Damit bin Pengiran Sungguh menjadi Timbalan Menteri Pertanian, Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Mohd Limbang menjadi Timbalan Menteri Kebajikan dan Pos, Lukan bin Uking menjadi Timbalan Menteri Pendidikan dan Hong Kok selaku Timbalan Menteri Perubatan dan Kesihatan.¹³² Untuk membantu menteri-menteri seorang setiausaha tetap akan dilantik dari perkhidmatan awam untuk tiap-tiap kementerian sebagai penasihat kepada menteri-menteri tetapi kuasa pemutus terletak di tangan menteri masing-masing.¹³³

Sungguhpun kerajaan British membuat tekanan mendesak Sultan Omar Ali Saifuddien III membentuk sebuah kerajaan yang bertanggungjawab berasaskan pemerintahan demokrasi berparlimen baginda tetap dengan pendiriannya tidak mahu mengundang parti-parti politik untuk menentukan dasar dan sistem pemerintahan Brunei. Pihak British menyedari bahawa tanpa penglibatan parti-parti politik,

¹³¹ Pelita Brunei, 2 Jun 1965.

¹³² Ibid., 16 Jun 1965.

¹³³ Ibid., 21 April 1965.

kerajaan sistem berkementerian yang telah dibentuk tidak dapat memenuhi keperluan sebuah kerajaan demokrasi yang diperlukan. Kerana itu, Kerajaan British sering mendesak Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk melaksanakannya. Sultan Omar Ali Saifuddien III, terpaksa mengadakan perundingan ke London dalam usaha untuk melambatkan proses kemerdekaan dengan alasan kerajaan Brunei belum bersedia untuk mencapai kemerdekaan dan memerlukan proses yang perlahan setapak demi setapak.¹³⁴

Langkah melambat-lambatkan kemerdekaan ini mempunyai hubungan dengan masalah luar dan dalaman Brunei sendiri. Selepas penarikan Brunei menyertai Malaysia hubungan antara kedua negara bertambah tegang berkaitan dengan isu tuntutan Brunei ke atas Limbang. Baginda juga telah dituduh sebagai anti-Malaysia.¹³⁵ Pergolakan politik di Asia Tenggara akibat konfrantasi antara Indonesia, Malaysia dan Filipina merupakan ancaman terhadap keselamatan Brunei disebabkan kedudukannya yang tersepit. Masalah dalaman Brunei juga dapat dikaitkan dengan penangguhan ini khususnya kekurangan pegawai-pegawai yang berpengalaman dan terlatih serta keperluan tenaga-tenaga pakar telah menghambat Brunei untuk berdiri sendiri. Jelas bahawa Brunei masih belum mempunyai kesediaan untuk merdeka. Baginda tidak mahu, melihat kemerdekaan yang dicapai menjadi tidak bermakna

¹³⁴ Sultan Omar Ali Saifuddien III telah berangkat ke London pada 12 Disember 1965 dan kembali ke Brunei pada 30 Mac 1966. Sekali lagi pada akhir bulan Jun 1966. Lihat Pelita Brunei, 30 Mac 1966 dan 29 Jun 1966.

¹³⁵ Tuduhan ini telah dilapurkan oleh akhbar Antara Indonesia yang mengatakan Sultan Omar Ali Saifuddien III menyokong perjuangan kemerdekaan Kalimantan Utara dan membuat persetujuan dengan Presiden Sukarno tentang rancangan Maphalindo. Lihat Pelita Brunei, 2 Disember 1964.

sebaliknya membahayakan dan membinasa rakyat,¹³⁶ seperti yang pernah berlaku di Congo.¹³⁷

Sementara itu terbentuk pula dua buah lagi parti politik baru iaitu, Parti Kemajuan Rakyat (PAKAR) yang diketuai oleh Pengiran Dato Haji Ali¹³⁸ dan Barisan Rakyat Brunei (BARA) yang diketuai oleh Othman bin Sungguh 1966.¹³⁹ Namun demikian parti-parti politik di Brunei tidak dapat bergerak dengan berkesan untuk mengubah dasar dan sistem politik di Brunei dalam hubungannya dengan usaha menuntut kemerdekaan. Akhirnya keempat-empat parti yang sedia ada telah bergabung menjadi satu parti *Barisan Kemerdekaan Rakyat* (BAKER) pada Ogos 1966. Beberapa cawangan telah wujud di beberapa buah bandar Seria, Kuala Belait dan Brunei dan Muara. Kewujudaan BAKER telah membawa satu reformasi baru dalam perkembangan politik Brunei. Tuntutan kemerdekaan muncul semula, parti ini telah menghantar rombongan untuk menyampaikan satu memorandum pada November 1966 kepada kerajaan supaya mengkaji semula Kertas Putih Majlis Mesyuarat Negeri No.4/65.¹⁴⁰ Rombongan ini telah diketuai oleh pengurusnya Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud dan Yang Di Pertua parti A. Hafidz Laksamana serta seramai 4 orang anggota Majlis Mesyuarat Negeri yang dipilih.¹⁴¹ Parti ini cuba menuntut kemerdekaan kerana pada hemat parti ini Brunei masih lagi dijajah. Buktinya British masih lagi campur tangan dalam hal

¹³⁶ Pelita Brunei, 2 Disember 1964.

¹³⁷ Malay Mail, 27 November 1964.

¹³⁸ Sebelum bersara pada 1965, beliau memegang jawatan Timbalan Menteri Besar. Kerana minat politik teliau telah menubuhkan PAKAR tahun 1965.

¹³⁹ Beliau salah seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan bekas pengikut PRB.

¹⁴⁰ Pelita Brunei, 23 November 1966.

¹⁴¹ Ibid.

ehwal pentadbiran. Pesuruhjaya Tinggi masih menjadi ahli MMK dan setiap nasihatnya mestilah dipatuhi.¹⁴²

BAKER telah ditubuhkan hasil dari satu persidangan antara parti-parti PAKAR, BARA, BPA dan BPFS pada 31 Julai 1966. Keempat-empat parti ini mempunyai tujuan yang sama supaya Brunei diberi kemerdekaan daripada British. Matlamat dan cita-cita yang sama ini menjadikan mereka bergabung. Parti ini mempunyai enam tujuan dasar:¹⁴³

Pemimpin BAKER kecewa dengan perkembangan perlembagaan yang perlahan. Sistem berkementerian yang dikenalkan sejak Jun 1965, tidak memberi sebarang makna ke arah pencapaian pemerintahan demokrasi berparlimen kerana tugas menteri-menteri yang dilantik tidak begitu jelas. Jawatan setiausaha tetap tidak dilaksanakan. Awang Zainal Abidin Putih, timbalan setiausaha BAKER juga ahli yang dipilih dalam Majlis Mesyuarat Negeri mengatakan bahawa "*we do not wish to see the continuation of the present system now being employed by the Government of Brunei where ministers are being guided in the discharge of their functions*"¹⁴⁴ Kerajaan Brunei menolak tanggapan tersebut dalam MMN pada 19 Disember 1966. Hal ini dijelaskan oleh Menteri Besar Brunei bahawa perlembagaan sekarang adalah berguna dan demokratik. Beliau mengambil contoh terhadap wujudnya sistem

¹⁴² Bintang Harian, 3 Oktober 1967. Lihat juga Berita Harian, 15 Mei 1967 dan 26 Julai 1967.

¹⁴³ Antara matlamat dan cita-cita BAKER; (i). Mendapatkan kemerdekaan menerusi perlembagaan. (ii). Taat kepada Sultan dan keturunannya. (iii). Mengelakkan keamanan dan kemakmuran rakyat Brunei. (iv). Mengukuhkan agama Islam sebagai agama rasmi. (v). menenamkan semangat bertanggungjawab kepada rakyat dan negara Brunei dan (vi). Mempertahankan dan menggalakkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Lihat juga Borneo Bulletin, 6 Ogos 1966.

¹⁴⁴ Daily Star, 24 Jun 1967.

berkementerian.¹⁴⁵ Oleh kerana memorandum yang dikirim kepada kerajaan Brunei tidak mendapat jawapan mereka telah berjumpa dengan Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei, Mr. F.D. Webber. Awal 1967, memorandum tersebut telah mendapat jawapan daripada kerajaan British yang antara lain mengatakan memang menjadi hasrat British untuk melihat satu reformasi perlembagaan dibuat sebelum kerajaan British menarik diri dari Brunei.¹⁴⁶ Sultan telah menolak tuntutan tersebut dan terus berangkat ke London pada 26 April 1967, untuk mengadakan perundingan bagi menolak sebarang desakan menuntut kemerdekaan Brunei, sebaliknya Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei F.D. Webber telah bersetuju untuk mengadakan perbincangan dengan BAKER. Dalam perjumpaan tersebut beliau menjelaskan bahawa kerajaan telah mendorong satu skim sistem kerajaan yang berkabinet untuk Brunei yang akan dihadapkan kepada sultan bagi mendapat persetujuan baginda.¹⁴⁷

Berikutnya dengan pertemuan tersebut, awal Julai 1967, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah berangkat ke London mengadakan perjumpaan dengan setiausaha bagi Komanwel mengenai hubungan British dengan Brunei. Dalam perjumpaan ini baginda telah didesak supaya memperluaskan sistem berkementerian seperti yang telah dibincangkan pada 1964 dan 1965 dan dilaksanakan tidak lewat dari tahun 1968.¹⁴⁸ Sultan Omar Ali Saifuddien III menolak dan memberi alasan Brunei belum dapat melaksanakannya kerana keadaan dalam negeri dan keselamatan luar Brunei tidak mengizinkan. Jika berlaku sebarang kekacauan atau sebarang ancaman tidak

¹⁴⁵ Pelita Brunei, 21 Disember 1966.

¹⁴⁶ D.S. Ranjit Singh, "The Internal Politics of Brunei in 1950's-1960's", Mohd. Amin Hassan dan Nik Suhaimi Abd.Rahman (ed), The Eight Conference International Association of Historians of Asia, Organising Committee The Eighth International Conference, IAHA, Kuala Lumpur, 1980. hal. 338.

¹⁴⁷ Straits Times, 19 Mei 1967.

¹⁴⁸ Pelita Brunei, 19 Julai 1967.

mungkin Brunei akan mampu berdiri di atas kaki sendiri bagi menghadapi ancaman luar secara bersendirian. Disebabkan hal ini menyebabkan Sultan Omar Ali Saifuddien III mahukan kemerdekaan dicapai secara berperingkat-peringkat. Dengan cara ini membolehkan baginda dapat melengkapkan diri untuk berdiri sendiri seterusnya mencapai kemerdekaan seperti yang dikehendaki oleh rakyat Brunei. Untuk mengelakkan tekanan-tekanan kerajaan British dan tuntutan parti-parti politik yang mahukan pendemokrasian pada 4 Oktober 1967, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah mengumumkan turun dari tahta setelah memerintah selama 17 tahun untuk memaksa British melindungi Brunei. Baginda telah mengangkat putera sulong baginda Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah.¹⁴⁹

Peristiwa 4 Oktober 1967 telah menimbulkan berbagai-bagai tafsiran. Menurut beberapa buah akhbar di Malaysia dan Singapura, baginda dikatakan ingin menceburi bidang politik dan mahu memimpin parti. Baginda juga dikatakan merajuk apabila Colonial Office menarik balik F.D. Weeber menjadi Pesuruhjaya British ke Brunei. Tindakan Sultan Omar Ali Saifuddien III ini juga dapat melambatkan tarikh pilihan raya yang dituntut oleh BAKER 10 tahun lagi.¹⁵⁰

Baginda menolak tafsiran-tafsiran ini dengan menegaskan yang baginda mahu menumpukan masa baginda terhadap perkembangan dan pengkajian agama Islam. Penafian dibuat tersebut secara terbuka dalam satu temu ramah dengan wakil Utusan Melayu, Tengku Zainal Abidin pada 23 Oktober 1967. Sultan Omar Ali Saifuddien

¹⁴⁹ Ibid., 11 Oktober 1967.

¹⁵⁰ Ibid., 8 November 1967. Lihat juga Utusan Melayu, 25 Oktober 1967.

III menjelaskan, baginda turun takhta atas kerelaan diri sendiri.¹⁵¹ Baginda juga mengatakan bahawa memang menjadi cita-cita untuk turun tahta apabila baginda berusia 50 tahun dan putera-putera telah baginda menamatkan pengajian mereka.¹⁵²

Tidak terdapat penjelasan sebenar mengenai punca baginda turun takhta. Menurut David Leake, tekanan Kerajaan British supaya mengadakan kabinet bagi menjalankan dasar pentadbiran merupakan salah satu punca. Pilihan raya untuk memilih seramai 10 orang ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri berbanding dengan 11 orang yang dilantik termasuk Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei bertentangan dengan sistem demokrasi dan ia tidak rasional. Jadi turun takhta merupakan sebagai satu taktik untuk mengelakkan tekanan tersebut. sultan yang baru memerlukan masa untuk belajar mengendalikan pemerintahan sebelum perubahan dilakukan.¹⁵³

Pada kesimpulannya, tindakan Sultan Omar Ali Saifuddien III merupakan sebagai satu langkah yang bijak. Langkah ini dapat mengelakkan tekanan British yang mahu mempercepatkan Brunei mencapai kemerdekaan dan memperkenalkan sistem demokrasi. Walhal Brunei masih memerlukan pergantungan dengan kerajaan British bagi menjamin keselamatan terutama pertahanan luarnya akibat ketidakstabilan politik di rantau ini. Brunei juga belum berupaya untuk menerima tanggungjawab tersebut akibat kekurangan tenaga mahir dan berpengalaman. Dengan cara ini juga Sultan Omar Ali Saifuddien III dapat mempertahankan sistem kesultanan kerana baginda sememangnya menolak demokrasi. Dengan melanjutkan pergantungannya dengan

¹⁵¹ Pelita Brunei, 8 November 1967.

¹⁵² David Leake, Brunei: The Modern Southeast-Asian Sultanate, hal. 56.

¹⁵³ Ibid., hal. 56-57.

British dan melambatkan proses reformasi perlembagaan maka dapatlah duwujudkan peluang rakyat Brunei menerima latihan dan pendidikan untuk mengisi kekosongan jawatan utama bagi menggantikan pegawai-pegawai dagang. Kekalnya jaminan keselamatan dan pertahanan luar Brunei oleh tentera-tentera British akan membolehkan Brunei menggiatkan pembangunan rakyat dan mempertahankan kemakmuran dan kesejahteraan Brunei sebagai persediaan menerima tanggungjawab mengendalikan pemerintahan apabila Brunei mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984.